

03/08/1998

Exco Kedah kena kerja melebihi gaji

Hassan Omar

ALOR STAR, Ahad - Seramai sembilan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah yang disusun semula semalam, dengan empat daripadanya muka baru mempunyai tugas berat untuk membangunkan Kedah.

Mereka diingatkan supaya bekerja penuh dedikasi dengan memastikan tugas masing-masing sentiasa melebihi gaji dan menganggap ia sebagai amanat rakyat untuk membawa kemajuan.

Jika Perdana Menteri dan menteri Kabinet berusaha gigih di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk membawa kemajuan di negara ini, Exco Kedah juga harus berusaha seumpama itu bagi memastikan Kedah terus membangun dengan ekonominya berteraskan perindustrian.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata jika pemimpin berkenaan yang diberikan tanggungjawab memajukan negeri gagal berusaha gigih, tidak mungkin ada pihak lain yang mampu melaksanakannya.

"Mesej saya kepada mereka ialah kita kena bekerja kuat...kalau bukan kita yang mesti kerja kuat, siapa lagi?"

"Kalau Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri Kabinet bekerja kuat di peringkat Kerajaan Persekutuan, kita Exco di Kerajaan Negeri mesti bekerja kuat."

"Buat kerja mesti kerja melebihi gaji bukan gaji melebihi kerja," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya, di sini, petang semalam.

Sebelum itu, pada sebelah pagi, Sanusi menghadiri majlis mengangkat sumpah sembilan Exco di hadapan Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, di sini.

Dalam rombakan Exco itu, tiga Exco digugurkan manakala empat muka baru dilantik memegang jawatan itu, termasuk seorang bekas Exco yang meletak jawatan sebelum pemilihan Umno Bahagian Pokok Sena, 26 Mac lalu manakala seorang lagi adalah Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN).

Exco yang digugurkan Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim, Cheung Khai Yan dan Abdul Razak Hashim.

Empat muka baru ialah bekas Exco, Ahmad Lebai Sudin; bekas Speaker DUN, Datuk Zainol Md Isa; Adun kawasan Padang Mat Sirat, Langkawi, Md Hasan Bulat dan Adun kawasan Sidam, Fong Chok Gin.

Exco yang kekal ialah Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, V Saravanan, Abdul Rahman Ariffin, Datuk Beh Heng Seong dan Ghazali Ibrahim.

Rombakan berkenaan adalah yang ketiga dilakukan Sanusi sejak beliau mengambil alih pentadbiran Kedah daripada bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Jun 1996 berdasarkan sistem perlantikan Exco sekali dalam setahun yang diamalkan Sanusi.

Bagaimanapun, Abdul Razak dicadangkan sebagai Speaker DUN bagi mengambil alih tempat Zainol.

Sanusi berkata, potfolio Exco terbabit akan diumumkan selepas mesyuarat mingguan Exco, Rabu ini kerana kesuntukan masa untuk menyesuaikan potfolio mereka dengan potfolio di peringkat Kerajaan Persekutuan.

(END)